



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

selangorku

Ruj. Tuan :
Dlm. IPK. Sel. 20279/7/2Jld.8 (69)
Ruj. Kami : 22 J' Akhir 1433H
Tarikh : 14 Mei 2012

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 14 TAHUN 2012

PENYERAHAN BIL/TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA AGENSI KERAJAAN

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat pekeliling yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 20 April 2012 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian akan para 2 hingga 3** surat pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.



S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/
 10/31 JLD.32 (8)
 20 April 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan



Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENYERAHAN BIL/TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM TEMPOH 14 HARI KEPADA AGENSI KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya satu peringatan diberi kepada pembekal/kontraktor untuk menyegerakan penyerahan bil/tuntutan kepada Agensi Kerajaan. Ia bertujuan untuk mengelakkan kelewatan pembayaran oleh pihak Kerajaan dan bayaran dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Sehubungan itu, semua Agensi Kerajaan dikehendaki untuk memasukkan peringatan kepada pembekal/kontraktor supaya bil/tuntutan diserahkan dengan segera dalam tempoh 14 hari oleh pembekal/kontraktor sebaik sahaja barangan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan dalam dokumen perolehan Kerajaan seperti dokumen Kontrak/Pesanan Kerajaan/Inden Kerja/Surat Setuju Terima, yang mana bersesuaian seperti berikut:

“Pembekal/Kontraktor diberi peringatan supaya mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari”.

3. Arahan ini berkuat kuasa daripada tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' FAUZIAH BT YAACOB)
 Bahagian Perolehan Kerajaan
 b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 Kementerian Kewangan Malaysia

Hebahon Sun

Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji M.
 Setiausaha Kerajaan Negeri
 Selangor.

s.k.: Ketua Setiausaha Negara
 Ketua Audit Negara Malaysia
 Akauntan Negara Malaysia
 Semua Pegawai Kewangan Negeri

JOHARY BIN YUSOFF
 Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan